

Pelaksanaan Kursus Pra-Perkahwinan Islam Untuk Golongan OKU Pendengaran di Malaysia

[The Implementation of Islamic Premarital Course for Deaf Group in Malaysia]

Zuliza Mohd Kusrin^{1*} & Nur Syaidatul Akmar Binti Sha'ari²

¹ Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, 43600, Bangi, Malaysia.

² Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, 43600, Bangi, Malaysia.

* Corresponding Author: Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia. E-mail: zuli@ukm.edu.my, Tel: (+06) 03-89213273.

Kata Kunci:

Muslim; Pra perkahwinan;
Orang Kelainan Upaya
(OKU); Pendengaran;
Pengantin; Jurubahasa
Isyarat.

ABSTRAK

Kursus pra-perkahwinan adalah antara keperluan dalam prosedur permohonan kebenaran berkahwin yang perlu dipenuhi oleh bakal pengantin Muslim di Malaysia. Kepentingan kursus tersebut ialah memberi pengetahuan awal berkenaan alam perkahwinan kepada bakal pengantin. Namun, golongan OKU Pendengaran dikecualikan daripada mengikuti kursus berkenaan kerana tiada kursus khusus yang dikendalikan oleh jabatan agama Islam negeri untuk mereka. Oleh itu, sebahagian daripada mereka mengikuti kursus pra perkahwinan golongan tipikal. Objektif artikel adalah mengkaji pelaksanaan kursus semasa yang juga melibatkan penyertaan OKU pendengaran, mengkaji cabaran OKU pendengaran dan jurubahasa isyarat semasa mengendalikan kursus tersebut. Metodologi kajian ialah kualitatif dan temubual semi berstruktur yang dilaksanakan bersama pegawai-pegawai jabatan agama Islam negeri dan jurubahasa isyarat yang terlibat dalam kursus tersebut. Data terkumpul dianalisis secara diskriptif dan tematik. Hasil kajian mendapati kurang penganjur.an kursus pra perkahwinan Islam khusus untuk golongan OKU pendengaran, metod penyampaian ceramah berdasarkan kaedah golongan tipikal dan kesukaran jurubahasa menyampaikan semula isi kandungan ceramah. Implikasi kajian menunjukkan kepentingan untuk menganjurkan kursus pra-perkahwinan Muslim khusus untuk OKU pendengaran, untuk memberi mereka peluang memahami ilmu pra-perkahwinan, seperti individu tipikal juga.

Keywords:

Muslim; Pre-Marriage;
Disable person; Deaf; Bride
and Groom; Sign Language
Interpreter.

ABSTRACT

The Islamic Pre-Marriage Course is among the requirements in marriage application procedures that must be fulfilled by Muslim bride-to-be in Malaysia. The important of this course is to provide basic knowledge of life for bride and groom-to-be. However, the deaf group are excluded from attending this course as there is no special course conducted for them, by the state of Islamic department. Thus, some of them attended the pre-marriage course organised for typical group. The objective of this article is to study

the implementation of the current pre-marriage course that also involves participation of deaf person, challenges encountered by the deaf person and the sign language interpreters while conducting the course session. The research methodology is of a qualitative one and semi-structural interviews were conducted with the Islamic religious department officers and sign language interpreters whom are involved in the pre-marriage course. Data gathered are analysed descriptively and thematically. The research outcomes discovers that lack of specific organization of Islamic pre-marriage course for deaf person, methodology of delivering lectures is based on typical group method and difficulties of delivering the content of the lecture encounter by the sign language interpreter while conveying talks to the deaf person. The implication of the discussion shows the important of organising Islamic pre-marital course for the deaf group, in order to give them opportunity to understand the pre-marriage knowledge as enjoyed by typical man.

Received: April 18, 2020

Accepted: May 16, 2020

Online Published: June 23, 2020

1. Pengenalan

Kursus Pra-Perkahwinan adalah suatu kursus ringkas berkaitan ilmu pendidikan perkahwinan, yang diwajibkan. Ia dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam negeri-negeri, bertujuan mendedahkan peserta yang lazimnya dalam kalangan bakal-bakal pengantin tentang persediaan awal perkahwinan. Pendidikan perkahwinan merangkumi pelbagai aspek iaitu fizikal (keperluan isi rumah, kewangan), psikologikal (keperluan rohani, seksual, saling menghormati), spiritual (nilai-nilai murni, keagamaan) serta tanggungjawab sebagai suami dan isteri. Ia merupakan gandingan usaha dan kerjasama pelbagai pihak seperti terapis keluarga, pendidik keluarga, kaunselor dan agamawan; dimana mereka termasuk dalam golongan pendidik perkahwinan (Yusof, Mahmud, & Amat, 2014).

Pendidikan perkahwinan berperanan penting dalam membentuk kehidupan dan hubungan keluarga sejahtera. Kebanyakan negara-negara Barat melaksanakan pendidikan perhubungan melalui program-program berunsur kerohanian yang disediakan untuk pasangan. Contohnya di Amerika Syarikat, kajian mendapati pendidikan hubungan iaitu membina keluarga yang kukuh dan menyokong perkahwinan yang sihat adalah dua perkara asas dalam pendidikan perhubungan, pasangan menerima nasihat dari ahli agama seperti paderi iaitu melalui organisasi-organisasi keagamaan dan beberapa bentuk latihan kemahiran yang lain (Hunt, Adamson, Higgs, & Harris, 1998). Ini menunjukkan usaha pihak terbabit untuk mencegah perkara yang mendatangkan pelbagai kemudaratan kepada institusi keluarga ialah dengan membantu pasangan melalui pendidikan.

Ahmad (2008) meletakkan tiga kepentingan pendidikan dalam perkahwinan iaitu pertama dapat mengurangkan kadar perceraian kerana pasangan yang berkahwin melaksanakan kehidupan bersama di bawah arus yang sesuai dengan keadaan semasa. Keduaanya, melalui pendidikan dapat mengurangkan status 'duda' dan 'janda' kerana kebanyakan orang cenderung melihat kepada 'sekufu' di antara mereka, dan yang ketiga individu yang memiliki tahap pencapaian pendidikan yang baik mempunyai jangka hayat yang panjang berbanding individu yang rendah tahap pendidikannya. Hal ini kerana, pasangan yang baik tahap pendidikannya lebih menikmati kebaikan dan keuntungan dari perkahwinan tersebut tanpa tekanan dan beban yang melampau.

Kajian Baharuddin, Hamdani, Mutalib, & Zakaria (2018) menunjukkan kepentingan intervensi kaunseling perkahwinan yang mengintegrasikan ilmu naqli dan 'aqli yang dapat membantu menyokong keperluan klien dan dirasakan dapat memberikan perkhidmatan lebih berkesan bagi membantu memperkukuhkan institusi kekeluargaan dan masyarakat. Kajian Baharuddin et al. (2018) mendapati bahawa bagi pasangan Muslim menjalani kehidupan berkeluarga yang lebih sejahtera, aspek keagamaan yang merangkumi gabungan iman, ibadah, dan akhlak adalah penting. Ini menunjukkan pendidikan perkahwinan dari aspek kefahaman beragama juga adalah penting untuk pasangan suami isteri.

Berdasarkan kepentingan mendapat pendidikan perkahwinan, di negeri-negeri di Malaysia, Kursus Pra-Perkahwinan Islam adalah salah satu inisiatif daripada pihak kerajaan negeri. Kursus tersebut diwajibkan kepada setiap individu Muslim yang ingin berumah tangga (Habib, 2003). Ini kerana persiapan dan persediaan diri sebelum bergelar suami isteri amat penting. Oleh itu, kursus sedemikian diwujudkan untuk membekalkan ilmu rumahtangga (Juraimi, 1999), dan hal-hal yang berkaitan prosedur perkahwinan kepada individu muslim samada sebelum, semasa dan selepas perkahwinan. Perkahwinan yang didasari dengan kefahaman mengenai tanggungjawab masing-masing mampu menjadikan perkahwinan itu tetap teguh dan berkekalan. Kursus diwujudkan berdasarkan krisis isu perceraian yang kian meningkat dari saban tahun.

Menurut Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki, bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan sebanyak 92,678 pasangan telah mendaftarkan perceraian dalam tempoh 2012 hingga 2014. Beliau menyifatkan situasi berkenaan semakin membimbangkan berdasarkan statistik yang diperolehi meningkat dari tahun ke tahun (Ismail, 2016). Yusnita Marjuki (2003) menyuarakan permasalahan yang timbul selepas perkahwinan adalah disebabkan sikap tidak prihatin pihak suami mahupun isteri terhadap ilmu rumahtangga serta kemahiran-kemahiran yang ada sebelum bergelar suami isteri. Pengabaian tanggungjawab antara pasangan merupakan faktor paling tinggi berlakunya perceraian rumah tangga dalam kalangan pasangan suami isteri di Negeri Selangor diikuti dengan faktor masalah komunikasi, akhlak dan sosial, campurtangan pihak ketiga, lemah didikan agama, ekonomi, seksual, kerjaya, kesihatan dan faktor yang paling rendah ialah disebabkan perbezaan budaya (Majid & Zarif, 2017).

Walaupun kursus pra-perkahwinan mempunyai kesan yang penting kepada pengetahuan asas bakal pengantin namun, ia hanya diwajibkan terhadap golongan tipikal sahaja sedangkan pada masa yang sama golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) juga terlibat dengan perkahwinan. Oleh itu mereka juga perlu kepada kursus tersebut kerana mereka juga bertemu jodoh dan mendirikan rumahtangga. Artikel ini membincangkan tentang penganjuran dan kandungan ringkas kursus pra-perkahwinan untuk Muslim di Malaysia dan penglibatan OKU pendengaran menyertai kursus pra-perkahwinan golongan tipikal. Perbincangan juga menjurus kepada cabaran pelaksanaan kursus pra-perkahwinan terhadap OKU pendengaran, dari aspek penganjuran dan masalah yang dihadapi oleh jurubahasa kursus perkahwinan yang dihadiri oleh golongan OKU pendengaran.

2. Penganjuran Kursus Pra-Perkahwinan

Pada tahun 90an suatu modul pra-perkahwinan khusus telah digubal oleh pihak JAKIM untuk memenuhi keperluan pengetahuan asas tentang perkahwinan, bagi para pasangan Islam yang berhasrat mendirikan rumah tangga. Modul tersebut dikenali sebagai Modul Bersepadu Kursus Pra-Perkahwinan Islam (MBKPPI), yang dibukukan dan diberi nama 'Memasuki Gerbang Perkahwinan'. Ia mempunyai tiga bahagian iaitu, Bahagian Pertama : Asas Pembinaan Insan, Bahagian Kedua : Pengurusan Keluarga dan Bahagian Ketiga : Pengurusan Masalah dalam Keluarga (JAKIM, 2008).

Bahagian pertama : Asas Pembinaan Insan yang meliputi aspek akidah, ibadah dan akhlak. Ketiga-tiga asas ini sangat penting dalam membangun dan membentuk peribadi seseorang muslim dalam berpegang teguh pada agama supaya tidak tersasar dari landasan agama yang sebenar, bagi membentuk sesebuah keluarga bahagia. Di samping itu ia juga mengandungi bahagian Perkahwinan dan Prosedur yang menfokuskan kepada sistem kekeluargaan Islam berkenaan dengan peraturan dan peruntukan undang-undang yang dikhususkan berkaitan perkahwinan dan kekeluargaan. Perkara ini penting untuk diketahui supaya mana-mana pihak diantara suami atau isteri faham dan tahu untuk bertindak sekiranya mereka menghadapi masalah.

Bahagian kedua adalah mengenai Pengurusan Keluarga yang menjurus kepada permasalahan fizikal iaitu dari segi hubungan dalam keluarga, pengurusan kewangan dan masa, pengurusan kesihatan serta komunikasi di antara suami dan isteri. Pengurusan yang baik dan tertib dapat menghadirkan keharmonian dan kesejahteraan dalam institusi keluarga. Perbincangan dan perhubungan secara damai suami isteri mampu menjadi contoh dan tauladan kepada pasangan dan keluarga yang lain serta secara tidak langsung mengharumkan nama agama Islam itu sendiri yang mendidik penganutnya berakhlak mulia.

Bahagian ketiga adalah berkenaan 'Pengurusan Masalah Dalam Keluarga' yang membincangkan tentang cara menangani masalah yang bakal dihadapi dan dilalui oleh pasangan secara berhemah. Mereka didedahkan dengan kemahiran mengurus tekanan atau stress dan konflik. Mereka juga didedahkan mengetahui maklumat untuk dirujuk sekiranya memerlukan bantuan dari pihak ketiga.

Dari aspek pelaksanaannya, kursus tersebut dianjurkan oleh Pihak Pejabat Agama Islam Daerah dan Bahagian Perundangan Keluarga, Jabatan Agama Islam negeri masing-masing. Ia wajib disertai oleh bakal pengantin lelaki dan perempuan yang berhasrat mendirikan rumahtangga. Oleh itu sivil menghadiri kursus pra-

perkahwinan telah ditetapkan wajib bagi para bakal pengantin semasa membuat permohonan perkahwinan (Jabatan Agama Islam Selangor, 2020).

Namun, penganjuran kursus lebih menjurus kepada golongan tipikal yang berkemampuan untuk mendengar, melihat, berjalan dan sebagainya. Justeru, jabatan agama Islam telah mengecualikan beberapa kategori di antaranya golongan Orang Kurang Upaya (OKU) daripada menghadirinya (Khairul Asyraf Ahmad, temubual, 11 April, 2018). Contohnya, di negeri Selangor, pengecualian daripada mengikuti kursus pra-perkahwinan diberikan kepada seseorang yang pernah berkahwin, berusia 45 tahun dan keatas, orang kurang upaya, muallaf, warganegara Malaysia yang menetap di luar negara dan wargaegara asing (MyGovernment, 2019).

Saedon, Ishaka, Alias, Adibah, & Mohd (2016) berpandangan bahawa pengecualian daripada menghadiri kursus pra-perkahwinan tidak sepatutnya berlaku kerana kursus tersebut menyebarkan pengetahuan tentang peranan dan tanggungjawab suami isteri. Kajian lalu juga membuktikan bahawa masalah kekeluargaan dan perceraian yang dihadapi oleh masyarakat Muslim di Malaysia adalah kerana kegagalan pihak suami dan isteri menjalankan tugas masing-masing. Justeru itu, pengecualian untuk mendapatkan ilmu ataupun pendidikan rumahtangga tidak lagi relevan bagi golongan OKU pekak (Wan Rofariza Wan Deraman, temubual, 28 Januari, 2018).

3. Penyertaan OKU Pendengaran Dalam Kursus Pra-Perkahwinan Islam

Di Malaysia pengecualian menghadiri kursus pra-perkahwinan Islam diberikan kepada OKU dengan alasan mereka tidak berkemampuan untuk menyertai kursus tersebut (MyGovernment, 2019). Bagi OKU pendengaran, dari segi fizikal mereka kelihatan seperti individu normal tetapi kekurangan mereka adalah dari segi pendengaran. Masyarakat hanya menyedari mereka dari golongan OKU apabila melihat mereka berkomunikasi dalam bahasa isyarat. Pengecualian mereka dalam melibatkan diri dari kursus seperti ini menyebabkan mereka ketinggalan dari sudut pengetahuan mengenai tanggungjawab dan hak-hak mereka sepanjang proses perkahwinan. Hal ini dibuktikan melalui temubual bersama OKU pendengaran Terengganu mendapati mereka sangat memerlukan penganjuran kursus pra-perkahwinan khusus untuk golongan OKU pendengaran (Muhammad Umar Izzudden & Mohd Yusri Abdul Ghani, temubual, 2018). Menurut Mohd Yusri, Ketua Persatuan Orang Pekak Terengganu, adalah perlu dipanjangkan waktu kursus kepada 3 hari untuk golongan OKU pendengaran. Menurut beliau, masalah yang dihadapi ialah sukar untuk memahami isi kandungan kursus yang disampaikan kerana jurubahasa isyarat tidak berkemahiran memberi contoh yang sesuai. Muhammad Umar Izzudden, seorang OKU pendengaran yang belum berkahwin mengakui bahawa beliau belum pernah menyertai mana-mana kursus pra-perkahwinan. Beliau juga mengakui bahawa beliau tidak memahami konsep perkahwinan. Beliau berpandangan bahawa kursus pra-perkahwinan khas untuk golongan OKU pendengaran sangat diperlukan, cadangan beliau agar pemilihan topik juga perlu sesuai dengan permasalahan golongan OKU.

Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian ibubapa yang prihatin terhadap masa depan anak mereka, terutama dalam soal kehidupan berumahtangga, menyebabkan mereka mengambil inisiatif sendiri dengan menghantar anak mereka yang cacat pendengaran menyertai kursus pra-perkahwinan Islam (Wan Rofariza Wan Deraman, temubual, 28 Januari, 2018). Persatuan orang cacat pendengaran yang diwujudkan di setiap negeri juga memainkan peranan penting dalam menjaga hak dan kepentingan OKU pendengaran. Pihak persatuan bekerjasama dengan jabatan agama negeri, mengadakan kursus pra-perkahwinan Islam di peringkat persatuan dengan mengundang penceramah-penceramah yang bertauliah dari jabatan agama itu sendiri. Namun tidak kesemua persatuan orang pekak di Malaysia dapat mengajurkan kursus sebegini kerana pelbagai faktor dan permasalahan yang tidak dapat dielakkan.

Lazimnya para ibubapa yang berkemampuan akan memohon perkhidmatan jurubahasa untuk menterjemah ceramah yang disampaikan sepanjang kursus berlangsung. Seterusnya, bayaran untuk khidmat jurubahasa perlu ditanggung oleh para peserta OKU pendengaran kerana kos tersebut tidak termasuk dalam kos penganjuran kursus. Bagi mengatasi masalah tersebut, bebanan kewangan tersebut telah dikenakan ke atas golongan peserta OKU pendengaran dengan menambahkan yuran penyertaan yang meliputi bayaran menyertai kursus dan menggunakan khidmat jurubahasa (Ahmad Rozaimi, temubual, 25 April, 2018).

Terdapat juga keadaan di mana ibubapa golongan OKU pekak yang tidak berkemampuan hanya meletakkan anak mereka sebaris dengan golongan tipikal tanpa mengetahui atau memahami keperluan dan kefahaman anak tersebut. Perwatakan OKU pendengaran yang sukar dikesan kerana susuk mereka yang sama normal seperti yang lain menyulitkan sesetengah pihak, terutama penceramah untuk mengenalpasti samada peserta yang hadir ketika itu faham atau tidak. Namun bagi golongan OKU pendengaran yang menyertai kursus pra-perkahwinan tanpa menggunakan khidmat jurubahasa, psikologi mereka merosot sama sekali dan perasaan

rendah diri muncul menyebabkan mereka hanya datang untuk sekadar mendapatkan sijil kursus (Ismail, 2014). Hal ini dilihat telah tersasar daripada objektif sebenar kerana tujuan utama penganjuran kursus adalah untuk memastikan ilmu yang disampaikan dapat difahami sebagai panduan dan persediaan semasa melangkah ke gerbang perkahwinan, bagi mengelakkan konflik rumahtangga di masa hadapan (Hassan, 2009).

4. Cabaran Pelaksanaan Kursus Pra-Perkahwinan Islam Bagi Oku Pekak

Berikutan tiada kursus pra-perkahwinan khusus untuk golongan OKU pendengaran menyebabkan wujud beberapa cabaran yang dihadapi semasa mereka menyertai kursus pra-perkahwinan golongan tipikal seperti perbincangan berikut.

4.1 Kurang Penganjuran Kursus Pra Perkahwinan Islam Khusus Untuk Golongan OKU Pendengaran

Kursus Pra Perkahwinan Islam bagi OKU pendengaran adalah penting, terutamanya bagi golongan yang berhasrat mendirikan rumah tangga. Namun, hak mereka untuk mendapat pendidikan perkahwinan kurang disokong oleh pihak jabatan agama Islam negeri menyebabkan mereka dikecualikan daripada menyertainya, berdasarkan ketidakmampuan mereka untuk menyertai kursus sebegini. Keperluan mereka untuk melengkapkan diri seharusnya seiring dengan golongan normal kerana OKU pendengaran sekarang telah diberikan didikan mengikut arus perdana dan mampu menerima ilmu mengikut daya kemampuan mereka (Shahidah Salleh, temubual, 4 Mei, 2018). Kekurangan penganjuran kursus pra-perkahwinan khas untuk golongan ini menyebabkan mereka terpaksa mengikutinya bersama-sama golongan tipikal. Kekangan dari sudut kewangan juga menyumbang kesukaran untuk melaksanakan kursus yang telah diwajibkan kepada golongan tipikal ini (Ahmad Rozaimi, temubual, 25 April, 2018).

Ramai dari golongan OKU pendengaran berminat menyertai kursus seperti ini tetapi mereka menghadapi kesukaran untuk mencari kursus yang sesuai untuk golongan mereka dan mereka juga menghadapi kesukaran untuk mendapatkan khidmat jurubahasa. Menurut Wan Rofariza Wan Deraman, sekiranya OKU pendengaran yang menyertai kursus pra-perkahwinan secara individu maka bayaran yuran yang ditanggung adalah dari OKU pendengaran itu sendiri (Wan Rofariza Wan Deraman, temubual, 28 Januari, 2018). Dan perkhidmatan jurubahasa yang dipohon juga adalah tanggungan sendiri. Perkara ini dilihat membebankan OKU pendengaran kerana perlu menanggung kos yang lebih tinggi untuk sesuatu kursus yang seharusnya golongan ini mendapat keistimewaan mereka tersendiri. Berbeza dengan dengan kursus bagi golongan tipikal yang sering dijalankan dengan lancar kerana peruntukan untuk penganjuran telah disediakan oleh pihak-pihak terbabit.

Walaupun ada juga terdapat kursus yang dianjurkan khusus untuk OKU pendengaran, ianya belum lagi dianjurkan secara berkala. Ini berikutan dengan pihak persatuan mahupun jabatan agama perlu mengumpul peserta mengikut kouta yang telah ditetapkan. Kenyataannya ramai dari golongan pendengaran masih belum dan tidak mengetahui akan kewujudan kursus pra-perkahwinan Islam khusus untuk komuniti mereka. Namun begitu, modul yang digunakan sepanjang kursus adalah sama seperti penggunaan modul bagi kursus golongan biasa iaitu Modul Bersepadu Kursus Perkahwinan Islam (MBKPPI) (Ahmad Rozaimi, temubual, 25 April, 2018).

Pelaksanaan kursus pra-perkahwinan Islam khusus untuk golongan OKU pendengaran ini sememangnya memberi tekanan dan cabaran kepada pihak yang terlibat seperti persatuan orang pekak negeri-negeri, NGO-NGO dan lebih-lebih lagi kepada Jabatan Agama Islam Negeri. Sebagaimana pelaksanaan dakwah yang dilihat semakin diberi perhatian oleh pihak terbabit, begitu juga perlu dilaksanakan kursus pra-perkahwinan khusus untuk golongan OKU pendengaran. Kajian Hassan (2009); Hassan, Zin, & Siren (2013); Mansor (2013) menekankan kepentingan dakwah kepada OKU terutama OKU pendengaran supaya mereka juga tidak terlepas dari menerima ilmu agama. Golongan OKU pendengaran menerima ilmu mengikut kaedah penyampaian untuk mereka sendiri dan tidak boleh bercampur dengan golongan tipikal kerana ia boleh mendatangkan masalah kepada penyampai.

4.2 Metod Penyampaian Ceramah Berdasarkan Kaedah Golongan Tipikal

Cabaran yang seterusnya berkaitan dengan penyertaan OKU pendengaran dalam kursus pra-perkahwinan yang dipelopori oleh golongan normal adalah disebabkan terdapat jurang di antara penceramah dengan peserta OKU pendengaran yang memperlihatkan penceramah yang kurang peka terhadap OKU tersebut. Ini disebabkan keterbatasan kemampuan penceramah untuk berceramah kepada peserta yang terdiri dari dua kelompok; golongan normal dan OKU pendengaran. Penumpuan penceramah lebih kepada golongan tipikal kerana mereka

lebih mudah memahami apa yang disampaikan berbanding OKU pendengaran (Ahmad Rozaimi, temubual, 25 April, 2018).

Modul MBKPPI yang terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian pertama Asas Pembangunan Insan, bahagian kedua Pengurusan Keluarga dan bahagian ketiga Pengurusan Masalah Dalam Keluarga (JAKIM, 2008). Isi kandungan yang padat dengan metod penerangan yang mudah difahami sebenarnya lebih sesuai untuk golongan tipikal. Tetapi bagi golongan OKU pekak, perkataan-perkataan berbentuk abstrak sukar dihayati dan difahami oleh mereka kerana keterbatasan dan kemampuan untuk memahami sesuatu perkara itu memerlukan masa yang agak lama (Ahmad Rozaimi, temubual, 25 April, 2018).

Kajian lalu mengenai OKU pendengaran dalam sistem pendidikan mendapati bahawa mereka memerlukan kelainan dalam kaedah penyampaian pengajaran dan pembelajaran lebih-lebih lagi dalam pendidikan agama Islam. Tambahan pula, dalam perkara-perkara ghaib (*Sami'yyat*) sukar digambarkan dalam bentuk visual seperti dalam bentuk bahasa isyarat mahupun dalam bentuk gambaran kepada golongan OKU pendengaran ini. Menurut Shafie & Fatmi (2015) keperluan dakwah kepada golongan bermasalah pendengaran ini perlu dipandang serius kerana golongan ini juga berhak untuk menerima dakwah dan kesukaran mereka menerima ilmu agama perlu diberi perhatian lebih berbanding golongan tipikal. Oleh itu, pihak berwajib seperti jabatan agama negeri dan persatuan orang pekak perlu memainkan peranan sebaiknya kerana kurangnya ilmu mereka mudah terdedah kepada risiko masalah sosial yang kian meningkat saban hari.

Penceramah juga kurang peka mengenai psikologi dan keperluan OKU pendengaran dalam penerimaan ilmu yang disampaikan. OKU pendengaran merupakan golongan yang telah terdidik dengan sistem pembelajaran mereka yang tersendiri, tidak sama dengan kumpulan tipikal (Shahidah Salleh, temubual, 4 Mei, 2018). Percampuran dengan golongan tipikal lazimnya menyebabkan mereka berasa rendah diri dan keterbelakang untuk memahami ilmu yang disampaikan. Penceramah yang kurang memberi perhatian dan kurang berinteraksi dengan kelompok ini menyebabkan mereka mudah hilang tumpuan dan bersembang sesama sendiri. Keadaan ini boleh membuatkan sesuatu kursus itu menjadi gagal dari tujuan asal kursus itu diadakan kerana hilangnya tumpuan dari para peserta. Dalam sesi pembelajaran, mereka adalah golongan yang banyak bertanya tetapi percampuran dengan golongan tipikal serta penceramah juga dalam kalangan golongan tipikal menyebabkan hasrat mereka untuk bertanya tidak dapat dilaksanakan. Ini terbukti melalui pemerhatian kursus-kursus yang dilaksanakan golongan OKU pendengaran kurang memberi respon, kurang memberi tumpuan dan berborak sesama mereka. Mereka juga tidak dapat bertanya soalan kerana penyampai juga tidak peka sama ada mereka faham atau tidak (Ahmad Rozaimi, temubual, 25 April, 2018).

4.3 Kesukaran Jurubahasa Menyampaikan Semula Isi Kandungan Ceramah

Jurubahasa sangat penting bagi golongan OKU pendengaran untuk berkomunikasi dan mendapatkan maklumat. Jurubahasa sebagai jabatan penghubung kepada golongan ini untuk mereka memperolehi ilmu (Omar, 2009). Permasalahan yang dihadapi oleh jurubahasa ialah mereka terpaksa mengikut rentak penceramah yang terkadang pola kelajuan penyampaian yang lebih kepada penyampaian golongan tipikal. Penyampaian sesuatu bahasa isyarat itu menggunakan seluruh tubuh badan dan memerlukan masa untuk jurubahasa menterjemahkannya kepada satu bentuk isyarat. Menterjemah kepada komunikasi bukan verbal bukanlah suatu perkara yang mudah. Kemahiran mendengar, mengekod dan merumus adalah elemen yang harus seseorang jurubahasa kuasai. Selain itu, kemahiran visualnya perlu ditajamkan sebelum ketiga-tiga elemen tersebut diterjemah kepada bentuk isyarat. Kemahiran-kemahiran sebegini memerlukan tenaga yang banyak kerana menggunakan tenaga mental dan beban fizikal (Omar, 2009).

Lazimnya para jurubahasa mengalami kesukaran menterjemah ke dalam bahasa isyarat adalah disebabkan penceramah yang bertutur dalam keadaan agak laju, istilah-istilah khusus dalam fiqh kekeluargaan yang digunakan seperti khuluk, fasakh, li'an dan sebagainya serta bahasa kiasan yang kadangkala tidak penting untuk dibahas kepada peserta terutama peserta OKU pendengaran (Ahmad Rozaimi, temubual, 25 April, 2018). Perkara sama seperti ini sering terjadi di mana-mana kursus mahupun bengkel-bengkel.

Kebiasaannya jurubahasa yang terlibat membantu mana-mana kursus, hanya seorang sahaja yang bertugas menterjemahkan ke bahasa isyarat untuk kesemua sesi ceramah yang berjalan selama dua hari. Ekoran daripada itu, jurubahasa yang bertungkus lumus pada awalnya menjalankan kewajibannya menjadi cepat letih dan tidak mampu mengikuti slot yang berterusan disebabkan keletihan menterjemah bahasa. Tambahan lagi, bayaran yang diperolehi iaitu sekitar seratus ringgit untuk dua hari menyebabkan sukar untuk mendapatkan khidmat jurubahasa tambahan. Oleh itu, dengan menggunakan perkhidmatan seorang sahaja jurubahasa menyebabkan pada satu tahap jurubahasa tersebut terpaksa meringkaskan apa yang disampaikan oleh

penceramah. Akhirnya peserta OKU pendengaran menerima ilmu sekadar apa yang termampu diterjemah oleh jurubahasa (Ahmad Rozaimi, temubual, 25 April, 2018).

5. Kesimpulan

Setiap pelaksanaan pasti ada penambahbaikan yang telah dikenalpasti kekurangannya. Walaupun perkara ini dilihat masih baru, namun demi kepentingan komuniti OKU pendengaran ini tidak seharusnya dipinggirkan. Dalam aspek pendidikan perkahwinan, modul yang digunakan dalam setiap kursus pra-perkahwinan dari dulu sehingga kini menggunakan modul yang sama iaitu Modul Bersepadu Kursus Pra-Perkahwinan Islam (MBKPPI). Bagi golongan tipikal, mereka boleh menerima maklumat melalui apa saja medium seperti melalui buku, ceramah dan sebagainya. Tetapi bagi OKU pendengaran, mereka ada kaedah penerimaan ilmu yang tersendiri. Justeru, modul tersebut perlu dikaji semula atau mungkin boleh diubahsuai kepada modul yang khusus untuk mereka berdasarkan kesesuaian tahap OKU pendengaran dalam menerima ilmu dan cara penyampaian modul kepada mereka. Cadangan ini boleh diajukan kepada pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk mengkaji lebih lagi supaya modul berkenaan diolah kepada bentuk yang sesuai dengan tahap penerimaan OKU pendengaran.

Cadangan seterusnya adalah perlu disemak kadar bayaran yang dikenakan kepada golongan OKU pendengaran yang menyertai kursus pra-perkahwinan. Ini kerana kadar bayaran yang dikenakan sama seperti golongan normal malah mereka terpaksa menambah bayaran untuk perkhidmatan jurubahasa pada kadar yang tertentu. Seperti mana mereka diberi keistimewaan bayaran dalam pebagai urusan yang lain, maka dianjurkan juga pembayaran istimewa kepada OKU pendengaran yang mengikuti kursus pra-perkahwinan dan pembayaran perkhidmatan jurubahasa ditanggung oleh pihak penganjur.

Cadangan selanjutnya adalah penganjuran kursus khusus untuk OKU pendengaran. Sehingga kini jika ada penganjuran, ianya tidak secara berkala dan hanya dibuat mengikut atas permintaan persatuan OKU pendengaran. Sepatutnya ia menjadi tanggungjawab pihak berkuasa agama, seperti jabatan agama Islam di semua negeri-negeri untuk menyediakan kursus sedemikian. Setakat ini negeri yang telah berjaya melaksanakan kursus ini adalah seperti di Johor, Kelantan, Pahang, Negeri Sembilan, Selangor dan Wilayah Persekutuan. Negeri-negeri ini dilihat aktif memperjuangkan dan membantu memenuhi kehendak dan keperluan rohani OKU pendengaran.

6. Penghargaan

Penghargaan kepada geran “Pembinaan Model Bahasa Isyarat Perundangan (BIP) Mahkamah Syariah Untuk Orang Kurang Upaya (OKU) Pendengaran” (FRGS/1/2019/SSI03/UKM/02/2).

Rujukan

- Ahmad, A. (2008). Kepentingan pendidikan dalam pembentukan kualiti hidup sejahtera. *Malaysian Education Dean's Council Journal*, 2, 1–8. <https://doi.org/https://dx.doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Ahmad, K. A. (2018, April 11). *Temubual Kursus Pra-Perkahwinan Islam Dan Orang Kelainan Upaya Pekak*. Kuala Lumpur.
- Baharuddin, D. F., Hamdani, S. M., Mutalib, M. A., & Zakaria, M. Z. (2018). Kefahaman Beragama dan proses transformasi hubungan pasangan dalam perkahwinan. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 3(2), 75–91. Retrieved from <http://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/article/view/7>
- Deraman, W. R. W. (2018, Januari 28). *Temubual Kursus Pra-Perkahwinan Islam dan Orang Kelainan Upaya Pekak*. Pahang.
- Habib, S. S. T. (2003). *Kursus pra perkahwinan Islam: Analisis metode dan pelaksanaan serta keberkesannya dalam pembentukan institusi kekeluargaan Islam di Wilayah Persekutuan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hassan, J. (2009). *Pelaksanaan dakwah kepada orang pekak di Terengganu*. Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan Universiti Malaya.
- Hassan, J., Zin, A. A. M., & Siren, N. R. H. (2013). Penerimaan Program Dakwah Dalam Kalangan Orang Pekak Di Terengganu. *Seminar Antarabangsa Dakwah & Pembangunan Insan*, 205–225. Retrieved from https://umexpert.um.edu.my/public_view.php?type=publication&row=MjY2NTQ%3D
- Hunt, A., Adamson, B., Higgs, J., & Harris, L. (1998). University Education and the Physiotherapy Professional. *Physiotherapy*, 84(6), 264–273. [https://doi.org/doi.org/10.1016/S0031-9406\(05\)65527-7](https://doi.org/doi.org/10.1016/S0031-9406(05)65527-7)



Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402
Email: alirsyad@kuis.edu.my
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

Vol. 5, No. 1, (June 2020)

- Ismail, A. M. (2014). *Dakwah Islam dan orang pekak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, H. (2016). 92,678 Pasangan Daftarkan Penceraian. Retrieved January 8, 2018, from Utusan Malaysia website: <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/92-678-pasangan-daftarkan-penceraian-1.196883>
- Izzudden, M. U., & Ghani, M. Y. A. (2018). *Temubual Penganjuran kursus pra-perkahwinan khusus untuk golongan OKU pendengaran*. Terengganu.
- Jabatan Agama Islam Selangor. (2020). Senarai semak permohonan nikah lelaki. Retrieved from <https://ncr.jais.gov.my/images/SenaraiSemakPermohonanNikahLelaki.pdf>.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2008). *Menuju Gerbang Perkahwinan (Edisi Kedua)*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Juraimi, T. (1999). *Kursus Pra Perkahwinan : Satu Kajian Tentang Prosedur Dan Kaedah Yang Digunakan Di Negeri Selangor Darul Ehsan*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Majid, M. A., & Zarif, M. S. (2017). Trend dan faktor perceraian rumah tangga di negeri Selangor dari tahun 2011 hingga 2015. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(2), 40–53. Retrieved from <http://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/article/view/17>
- Mansor, N. S. A. (2013). *Penghayatan agama orang kurang upaya di Terengganu*. Kuala Lumpur: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Marjuki, Y. (2003). *Kursus Pra Perkahwinan Jabatan Agama Islam Selangor: Kajian Mengenai Permasalahan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- MyGovernment. (2019). Syarat-syarat Menghadiri Kursus Praperkahwinan. Retrieved April 14, 2020, from <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/27618?language=my>
- Omar, H. C. (2009). *Penterjemahan dan bahasa isyarat*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Rozaimi, A. (2018, April 25). *Temubual Kursus Pra-Perkahwinan Islam Dan Orang Kelainan Upaya Pekak*. Negeri Sembilan.
- Saedon, R., Ishaka, A. H., Alias, B., Adibah, F., & Mohd, S. (2016). Examining weaknesses in the governance of premarital course for Muslims in Malaysia. *International Soft Science Conference*, 6, 355–361. <https://doi.org/10.15405/epsbs.2016.08.50>
- Salleh, S. (2018, Mei 4). *Temubual Pendidikan Khas Bagi Murid-Murid Pekak*. Kuala Lumpur.
- Shafie, B. H. M., & Fatmi, N. H. (2015). Pengimarah surau dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di surau sekolah. In K. A. Jasmi & M. I. M. Pisol (Eds.), *Pemeriksaan Pendidikan Islam dalam Cabaran Zaman* (pp. 55–70). Bangi, Selangor: Persatuan Intelek Muslim Malaysia.
- Yusof, S. N. M., Mahmud, Z., & Amat, S. (2014). Kefahaman dan Keperluan Pendidikan Perkahwinan di Malaysia. *Ulum Islamiyyah*, 12, 73–86. <https://doi.org/https://dx.doi.org/10.12816/0008084>